



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN KES TERHADAP PENJENAMAAN SEMULA
IDENTITI KORPORAT SYARIKAT KWENG DESIGN
SDN.BHD. DI DAERAH MACHANG, KELANTAN.**

Oleh

SUHAILA ASYIKIN BINTI MUSTAPA

Laporan Kajian Ini Disediakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Sarjana

Muda Teknologi Kreatif DenganKeputusan

(Rekabentuk Komunikasi Visual)

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2021

DEKLARASI TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan asal dan belum diserahkan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi lain.

AKSES TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis saya akan dibuat dengan serta-merta sebagai cetakan atau akses dalam talian (teks penuh)

EMBARGO Saya bersetuju bahawa tesis saya akan disediakan sebagai salinan keras atau dalam talian (teks penuh) untuk tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Siswazah

SULIT Tarikh dari _____ sehingga _____
(Mengandungi maklumat rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi di mana penyelidikan telah dilakukan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut.

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan berhak membuat salinan tesis untuk pertukaran akademik.

TANDATANGAN

TANDATANGAN PENYELIA

KAD PENGENALAN/PASSPORT

NAMA PENYELIA

Tarikh:

Tarikh:

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah bersyukur kehadiran Ilahi atas rahmat dan izin dari-Nya dapat saya menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya.

Pertama-tamanya saya ingin merakamkan jutaan kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Dr.Sharulnizam Bin Ramli yang telah banyak memberi tunjuk ajar, membimbing dan membantu saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini daripada awal kajian hingga ke akhir kajian. Setiap tunjuk ajar, bimbingan dan bantuan yang diberikan amat saya hargai. Dan setiap ilmu yang dicurahkan juga akan saya aplikasikan di masa-masa akan datang.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada ibu saya Siti Fatimah Binti Wil yang sentiasa mendoakan dan memberi sokongan kepada saya dalam menjalankan kajian ini serta tidak lupa juga buat keluarga yang sentiasa membantu dan memberi sokongan moral. Sokongan dan dorongan ibu dan keluarga memberi kekuatan kepada saya untuk meneruskan kajian ini hingga ke akhir kajian.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membimbing dan membantu saya di saat saya menghadapi kesukaran dalam menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, tak lupa juga buat semua yang terlibat secara langsung dan tak langsung dalam kajian ini.

ABSTRAK

Kajian ini adalah berkenaan dengan penjenamaan semula identiti korporat syarikat Kweng Design Sdn.Bhd yang terletak di daerah Machang, Kelantan. Hal ini kerana keupayaan daya saing syarikat dapat ditingkatkan menerusi penjenamaan semula. Kajian yang akan dijalankan ini juga melibatkan cadangan penjenamaan logo baharu syarikat, penghasilan item-item korporat yang sesuai terhadap syarikat serta bagi mengenalpasti kempen promosi yang berkesan terhadap syarikat. Kajian ini akan dijalankan menggunakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif iaitu dengan membuat analisis daripada kajian-kajian yang lepas selain dari mengedarkan borang soal selidik terhadap masyarakat di sekitar daerah Machang. Penjenamaan semula identiti korporat adalah penting bagi meraih kesetiaan pelanggan serta dalam mempromosikan syarikat kepada masyarakat.

Kata Kunci: Identiti Korporat, penjenamaan, syarikat.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

This study is related to the rebranding of corporate identity of Kweng Design Sdn.Bhd company located in Machang district, Kelantan. This is because the company's competitiveness can be enhanced through rebranding. The study to be conducted also involves the proposed branding of the company's new logo, the production of corporate items suitable for the company as well as to identify effective promotional campaigns for the company. This study will be conducted using a mixture of qualitative and quantitative methods that is by making analysis from previous studies apart from distributing questionnaires to the community around Machang district. Branding corporate identity is important to gain customer loyalty as well as in promoting the company to the community.

Keywords: *Corporate Identity, branding, company*

ISI KANDUNGAN

DEKLARASI TESIS	2
PENGHARGAAN	3
ABSTRAK	4
ABSTRACT	5
ISI KANDUNGAN	6
BAB 1: PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	19
1.0.1 Definisi Identiti	20
1.0.2 Penjenamaan Semula	21
1.1 Latar Belakang Kajian	23
1.2 Kepentingan Kajian	25
1.3 Pernyataan Masalah	26
1.4 Objektif Kajian	27
1.5 Soalan Kajian	28
1.6 Skop Kajian	29
1.7 Batasan Kajian	30
1.8 Definisi Terma	31

1.9	Kesimpulan	32
BAB 2: KAJIAN LITERATUR		
2.0	Pengenalan	33
2.1	Identiti Korporat	34
2.2	Penjenamaan Semula	36
2.3	Logo	38
2.4	Promosi	40
BAB 3: METODOLOGI		
3.0	Pengenalan	41
3.1	Kaedah Penyelidikan	42
	3.1.1 Carta Alir Metodologi Kajian	43
3.2	Data Primer	44
	3.2.1 Kaedah Soal Selidik	44
3.3	Data Sekunder	45
3.4	Rekabentuk Pembangunan Produk	46
3.5	Kesimpulan	47

BAB 4: ANALISIS KAJIAN DAN PEMBANGUNAN PRODUK

4.0	Pendahuluan	48
4.1	Analisis Data	49
4.1.1	Analisis Dapatan Kajian	50
4.1.1.1	Jantina	50
4.1.1.2	Umur	51
4.1.1.3	Bangsa	52
4.1.1.4	Status Pekerjaan	53
4.1.1.5	Negeri Kelahiran	54
4.1.1.6	Negeri Menetap	55
4.1.1.7	Sejauh manakah anda mengetahui berkenaan dengan penjenamaah identiti korporat?	57
4.1.1.8	Sejauh Manakah Anda Memahami Elemen Yang Terdapat Dalam Identiti Korporat?	58
4.1.1.9	Adakah Anda Bersetuju Bahawa Penjenamaan Identiti Korporat Seperti Logo Syarikat Adalah Penting Bagi Meningkatkan Daya Saing Syarikat?	60
4.1.1.10	Adakah Anda Bersetuju, Identiti Korporat Memudahkan Masyarakat Mengingati Serta Membezakan Syarikat Dengan Syarikat Yang Lain?	61

4.1.1.11 Adakah Anda Bersetuju, Identiti Korporat Mampu Menarik Minat Anda Untuk Membeli/Menggunakan Sesuatu Barangan?	63
4.1.1.12 Adakah Anda Menyedari/Mengetahui Keberadaan Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd?	65
4.1.1.13 Sekiranya Ya. Apakah Penyebab Anda Menyedari/ Mengetahui Keberadaan Syarikat Tersebut?	66
4.1.1.14 Adakah Anda Mengingati Logo Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd?	67
4.1.1.15 Rekabentuk Logo Asal Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd	68
4.1.1.16 Rekabentuk Logo Cadangan Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd	69
4.1.1.17 Rekabentuk Cadangan Identiti Korporat Bagi Stationery Item	71
4.1.1.18 Rekabentuk Cadangan Identiti Korporat Bagi Corporate Attire	72
4.1.1.19 Rekabentuk Cadangan Identiti Korporat Bagi Mechandise Item	74
4.1.1.20 Rekabentuk Cadangan Kempen Pengiklanan	75

4.1.1.21	Rekabentuk Cadangan Kempen Pengiklanan	77
4.1.2	Rumusan Analisis Dapatan Kajian	78
4.2	Pembangunan Produk	79
4.3	Konsep Rekabentuk	81
4.4	Proses Penghasilan produk	83
BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN		
5.0	Pendahuluan	103
5.1	Rumusan Kajian	104
5.2	Cadangan Kajian	106
5.2.1	Cadangan Penyelidikan Akan Datang	106
5.2.1.1	Cadangan Temubual Bersemuka	106
5.2.1.2	Cadangan Borang Soal Selidik	107
5.2.1.3	Cadangan Rekabentuk Promosi	107
5.3	Kesimpulan	108
BIBLIOGRAFI		109
LAMPIRAN		113

SENARAI RAJAH

Rajah 4.3.1: Antara Contoh-contoh Logo Jenis Tipografi

Rajah 4.3.2: Contoh-contoh Logo Jenis Simbol

Rajah 4.3.3: Contoh-contoh Logo Jenis Gabungan Tipografi Dan Simbol

Rajah 4.3.4: Rekabentuk Asal Logo Asal Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd

Rajah 4.4.1: Lakaran Idea Penghasilan Rekabentuk Logo Syarikat Kweng
Design Sdn.Bhd

Rajah 4.4.2: Proses Perkembangan Dan Pembangunan Idea

Rajah 4.4.3: Proses Pewarnaan Logo Idea

Rajah 4.4.4: Proses Penghasilan Tipografi Kweng Design

Rajah 4.4.5: Proses Susun Atur Tipografi Logo

Rajah 4.4.6: Proses Menggabungkan Tipografi dan Simbol

Rajah 4.4.7: Proses Akhir Penghasilan Rekabentuk Logo Cadangan
Bagi Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd

Rajah 4.4.8: Rekabentuk Logo Cadangan Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd

Rajah 4.4.9: Idea Konsep Untuk Identiti Cadangan Item Korporat Syarikat

Rajah 4.4.10: Proses Perkembangan Idea Bentuk Segi Tiga

Rajah 4.4.11: Proses Perkembangan Idea Bentuk Segi Empat

Rajah 4.4.12: Proses Perkembangan Idea Bentuk Bulat

Rajah 4.4.13: Proses Pewarnaan Identiti Bentuk Segi Tiga

Rajah 4.4.14: Proses Pewarnaan Identiti Bentuk Segi Empat

Rajah 4.4.15: Proses Pewarnaan Identiti Berbentuk Bulat

Rajah 4.4.16: Contoh Pertama Item Identiti Korporat Yang Dihasilkan

Pengkaji

Rajah 4.4.17: Contoh Kedua Item Identiti Korporat Yang Dihasilkan

Pengkaji

Rajah 4.4.18: Contoh Ketiga Item Identiti Korporat Yang Dihasilkan

Pengkaji

Rajah 4.4.19: Contoh Keempat Item Identiti Korporat Yang Dihasilkan

Pengkaji

Rajah 4.4.20: Contoh Kelima Item Identiti Korporat Yang Dihasilkan

Pengkaji

Rajah 4.4.21: Contoh Keenam Item Identiti Korporat Yang Dihasilkan

Pengkaji

Rajah 4.4.22: Contoh Ketujuh Item Identiti Korporat Yang Dihasilkan

Pengkaji

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1: Taburan Kekeperan Dan Peratus Responden Mengikut Jantina

Jadual 4.2: Taburan Kekeperan Dan Peratus Responden Mengikut Peringkat Umur

Jadual 4.3: Taburan Kekeperan Dan Peratus Responden Mengikut Bangsa

Jadual 4.4: Taburan Kekeperan Dan Peratus Responden Mengikut Status Pekerjaan

Jadual 4.5: Taburan Kekeperan Dan Peratus Responden Mengikut Negeri Kelahiran

Jadual 4.6: Taburan Kekeperan Dan Peratus Responden Mengikut Negeri Menetap

Jadual 4.7: Taburan Kekeperan Dan Peratus Responden Mengikut Skala

Pengetahuan terhadap Penjenamaan Identiti Korporat

Jadual 4.8: Taburan Kekeperan Dan Peratus Responden Mengikut Skala

Pemahaman Terhadap Elemen Yang Terdapat Dalam Identiti Korporat

Jadual 4.9: Taburan Kekeperan Dan Peratus Responden Mengikut Skala Persetujuan

Berkenaan Kepentingan Logo Syarikat Dalam Meningkatkan Daya

Saing Syarikat

Jadual 4.10: Taburan Kekeperan Dan Peratus Persetujuan Responden Berkenaan

Kepentingan Identiti Korporat Dalam Memudahkan Masyarakat

Membezakan Antara Syarikat Dengan Syarikat Yang Lain.

Jadual 4.11: Taburan Kekeperan Dan Peratus Persetujuan Responden Berkenaan

Kepentingan Identiti Korporat Dalam Menarik Minat Mereka Untuk

Membeli/Menggunakan Sesuatu Barangan

Jadual 4.12: Taburan Kekerapan Dan Peratus Persetujuan Responden Mengikut

Skala Tahap Ketertarikan Terhadap Logo Asal Syarikat

Kweng Design Sdn.Bhd

Jadual 4.13: Taburan Kekerapan Dan Peratus Persetujuan Responden Mengikut

Skala Tahap Ketertarikan Terhadap Rekabentuk Logo Cadangan

Yang Telah Dihasilkan Oleh Pengkaji

Jadual 4.14: Taburan Kekerapan Dan Peratus Persetujuan Responden Mengikut

Skala Tahap Ketertarikan Terhadap Rekabentuk Cadangan Identiti

Korporat Bagi *Stationary Item* Yang Dihasilkan Oleh Pengkaji

Jadual 4.15: Taburan Kekerapan Dan Peratus Persetujuan Responden Mengikut

Skala Tahap Ketertarikan Terhadap Rekabentuk Cadangan Identiti

Korporat Bagi *Item Corporate Attire* Yang Dihasilkan Oleh

Pengkaji

Jadual 4.16: Taburan Kekerapan Dan Peratus Persetujuan Responden Mengikut

Skala Tahap Ketertarikan Terhadap Rekabentuk Cadangan Identiti

Korporat Bagi *Merchandise Item* Yang Telah Dihasilkan Oleh

Pengkaji

Jadual 4.17: Taburan Kekerapan Dan Peratus Persetujuan Responden Mengikut

Skala Tahap Ketertarikan Terhadap Rekabentuk Cadangan

Pengiklanan Bagi Papan Tanda Yang Dihasilkan Oleh Pengkaji

Jadual 4.18: Taburan Kekerapan Dan Peratus Persetujuan Responden Mengikut

Skala Tahap Ketertarikan Terhadap Rekabentuk Cadangan

Pengiklanan Bagi Laman Web Syarikat Yang Telah Dihasilkan

Oleh Pengkaij



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI CARTA PAI

Carta Pai 4.1: Peratus Mengikut Jantina

Carta Pai 4.2: Peratus Mengikut Umur

Carta Pai 4.3: Peratus Mengikut Bangsa

Carta Pai 4.4: Peratus Mengikut Status Pekerjaan

Carta Pai 4.5: Peratus Mengikut Negeri Kelahiran

Carta Pai 4.6: Peratus Mengikut Negeri Menetap

Carta Pai 4.7: Peratusan Responden Yang Menyedari/Mengetahui

Keberadaan Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd

Carta Pai 4.8: Peratusan Responden Yang Menyedari/Mengetahui

Keberadaan Syarikat Mengikut Sebab-sebab

Carta Pai 4.9: Peratusan Responden Yang Mengingati Logo Syarikat

Kweng Design Sdn.Bhd.

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

SENARAI GRAF

Graf 4.1: Skala Pengetahuan Responden Terhadap Penjenamaan

Identiti Korporat

Graf 4.2: Skala Pemahaman Responden Terhadap Elemen Yang Terdapat

Dalam Identiti Korporat

Graf 4.3: Skala Persetujuan Responden Berkenaan Kepentingan Logo Syarikat

Dalam Meningkatkan Daya Saing Syarikat

Graf 4.4: Skala Persetujuan Responden Berkenaan Kepentingan Identiti

Korporat Dalam Memudahkan Masyarakat Membezakan Antara

Syarikat Dengan Syarikat Yang Lain

Graf 4.5: Skala Persetujuan Responden Berkenaan Kepentingan Identiti

Korporat Dalam Menarik Minat Mereka Untuk Membeli/Menggunakan

Sesuatu Barangan

Graf 4.6: Skala Tahap Ketertarikan Responden Terhadap Logo Asal Syarikat

Kweng Design Sdn.Bhd

Graf 4.7: Skala Tahap Ketertarikan Responden Terhadap Rekabentuk Logo

Cadangan Yang Telah Dihasilkan Oleh Pengkaji

Graf 4.8: Skala Tahap Ketertarikan Responden Terhadap Rekabentuk

Cadangan Identiti Korporat Bagi *Stationary Item* Yang Dihasilkan

Oleh Pengkaji

Graf 4.9: Skala Tahap Ketertarikan Responden Terhadap Cadangan Identiti

Korporat Bagi Item *Corporate Attire* Yang Dihasilkan Oleh

Pengkaji

Graf 4.10: Skala Tahap Ketertarikan Responden Terhadap Cadangan Identiti

Korporat Bagi *Merchandise Item* Yang Telah Dihasilkan Oleh

Pengkaji.

Graf 4.11: Skala Tahap Ketertarikan Responden Terhadap Rekabentuk

Cadangan Pengiklanan Bagi Papan Tanda Yang Telah Dihasilkan

Oleh Pengkaji

Graf 4.12: Skala Tahap Ketertarikan Responden Terhadap Cadangan

Pengiklanan Bagi Laman Web Syarikat Yang Telah Dihasilkan

Oleh Pengkaji

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Bab ini telah menjelaskan dan memperincikan berkenaan dengan kepentingan kajian, pernyataan masalah, objektif serta persoalan kajian bagi menjayakan kajian kes yang akan dilakukan. Tajuk kajian ini adalah berkaitan penjenamaan semula identiti korporat syarikat Kweng Design Sdn.Bhd yang terletak di daerah Machang, Kelantan.

Dalam arus pemodenan ini, kemunculan perniagaan-perniagaan baharu bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Hal ini mengakibatkan persaingan bagi syarikat-syarikat perniagaan semakin tinggi ditambah pula dengan kewujudan pandemik virus covid-19 yang telah menyebabkan banyak syarikat mengalami kerugian dan ekonomi negara yang tidak stabil. Bagi mengatasi persaingan yang mencabar ini syarikat haruslah mempunyai strategi pengiklanan dan penjenamaan yang mantap. Sesebuah syarikat yang besar dan berdaya saing hari ini dilihat mempunyai penjenamaan identiti korporat serta pengiklanan yang mantap yang mampu mendapatkan kesetiaan pelanggan di dalam dan luar negara. Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2007), syarikat merupakan satu badan atau institusi perniagaan atau firma yang dimiliki oleh seorang atau sekumpulan orang. Terdapat pelbagai jenis pemilikan syarikat yang terdapat di Malaysia antaranya ialah syarikat milikan tunggal, perkongsian dan sendirian berhad yang mempunyai kelebihan dan kelemahannya yang tersendiri.

1.0.1 Definisi Identiti

Dalam kajian T.C. Melewer dan Elif Karaosmanoglu (2003) *Seven dimensions of corporate identity a categorisation from the practitioners' perspectives* menjelaskan terdapat tujuh elemen berkenaan dengan identiti korporat yang terdiri daripada komunikasi korporat, rekabentuk korporat, (*corporate culture*) atau budaya korporat, (*corporate behavior*) ataupun gelagat korporat, struktur korporat, identiti industri dan strategi korporat. Dalam identiti rekabentuk korporat pula terdiri daripada lima elemen iaitu nama syarikat, slogan, jenis logo ataupun simbol, warna dan tipografi. (Dowling, 1994; Melewer and Saunders, 1998; Topalian, 1984). Komunikasi korporat pula mengandungi elemen promosi, iklan, identiti syarikat seperti *business card* dan *business letter*.

Menurut Wally Olins (1989) di dalam bukunya '*Corporate Identity Making Business Strategy Visible Through Design*' identiti korporat didefinisikan sebagai untuk menunjukkan tujuan atau memberi mesej yang jelas kepada pelanggan berkenaan dengan jenis aktiviti atau jenis perniagaan atau perkhidmatan syarikat itu sendiri. Identiti syarikat yang bagus mampu memberi keyakinan kepada pelanggan untuk menggunakan perkhidatan atau menggunakan barangan keluaran syarikat tersebut.

Kamus Dewibahasa Oxford Fajar Cetakan ke-12 1995: Fajar Bakti Sdn.Bhd. Identiti bermaksud watak tersendiri atau keperibadian. Ini menunjukkan sesebuah syarikat ataupun organisasi perlulah mempunyai

identiti yang tersendiri berbeza dengan syarikat atau organisasi-organisasi yang lain.

1.0.2 Penjenamaan Semula

Penjenamaan semula merupakan suatu kegiatan atau proses rekacipta semula identiti atau imej syarikat daripada identiti yang lama kepada yang baharu yang lebih segar, berdaya saing di dalam dan juga luar negara serta menepati serta sesuai dengan jenis perniagaan syarikat atau kegiatan organisasi. Penjenamaan semula juga adalah bertujuan untuk mendapatkan perhatian serta kesetiaan daripada pelanggan supaya kekal menggunakan produk atau perkhidmatan syarikat.

Selain itu, penjenamaan semula juga bertujuan untuk membezakan produk atau perkhidmatan dengan pesaing yang lain serta memudahkan pengguna mengenal pasti produk-produk keluaran sesebuah syarikat. Seterusnya, menurut Lambkin (2006) penjenamaan semula merupakan rekacipta semula yang baharu terhadap simbol, tanda atau istilah sesuatu jenama yang bertujuan membezakan rekaan. Manakala, menurut Williams (2016), jenama adalah janji yang memisahkan syarikat dari pesaing, tetapi juga memberitahu pelanggan apa yang diharapkan dari produk dan perkhidmatan jenama.

Penjenamaan semula juga dilakukan untuk mengimbangi perubahan semasa yang berlaku, dimana perubahan dilakukan bagi menaikkan semula kedudukan jenama dalam pasaran. Penjenamaan boleh berlaku dalam beberapa peringkat antaranya penjenamaan semula identiti korporat seperti logo syarikat dan perubahan di peringkat produk sahaja.

Sebagai contoh, syarikat coca-cola seringkali melakukan penjenamaan semula yang lebih segar bagi mengimbangi perubahan semasa. Penjenamaan semula yang dilakukan oleh syarikat juga berpotensi untuk tidak relevan dan mendapat kerugian (Laurent Muzellec dan Mary Lambkin,2005).

1.1 Latar Belakang Kajian

Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd merupakan satu syarikat pengiklanan yang kini berusia 21 tahun dan terletak di daerah Machang, Kelantan. Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd diasaskan oleh En. Mohd Fadzil Bin Ismail yang memulakan langkah dengan operasi perniagaan secara kecil-kecilan di rumahnya iaitu di Kampung Kweng Hitam pada tahun 2000 dan merupakan perniagaan milik penuh bumiputera. Bagi mengembangkan perniagaan pada tahun 2002, syarikat telah berpindah lokasi ke lokasi yang beralamat Lot 3432, Kampung hutan Kuing, KM 1 Machang-Tanah Merah. Kemudian pada 1 Mei 2010 sekali lagi syarikat berpindah lokasi ke lokasi sekarang yang beralamat di Pt 4424, Kampung Kepas, Jalan Kota Bharu, 18500 Machang, Kelantan. Nama syarikat juga diambil daripada nama kampung tempat asal perniagaan ini bermula. Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd menjalankan perniagaan berorientasikan perkhidmatan pengiklanan (*advertising*) dan kerja-kerja besi disamping menjadi pembekal alatan pejabat dan sekolah. Dengan pengalaman 10 tahun ini syarikat Kweng Design mampu bertahan dalam ekonomi yang tidak menentu pada ketika ini.

Syarikat ini mementingkan aspek kepuasan kepada pelanggan, untuk memastikan pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi syarikat Kweng Design amat mementingkan kualiti dalam perkhidmatan dan produk yang ditawarkan kepada pelanggan. Hal ini sejajar dengan moto syarikat “kepuasan peggan, kebanggaan kami”. Dalam pemerhatian, pengkaji mendapati terdapat beberapa kelemahan pada syarikat Kweng Design Sdn.Bhd yang antaranya dari segi identiti korporatnya yang lemah tidak menarik dan kurang menonjol. Ini mengakibatkan syarikat Kweng Design kurang dikenali umum. Selain itu, syarikat juga kurang menitikberatkan berkenaan dengan elemen komunikasi korporat yang

terdiri daripada aspek promosi, iklan, identiti komunikasi seperti *business card* dan *business letter*. Selain itu, pengkaji turut mendapati syarikat Kweng Design tidak mempunyai item-item korporat seperti baju korporat, *stationary set*, dan item untuk cenderahati yang boleh dijadikan sebagai satu medium pengiklanan syarikat. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji berkenaan penjenamaan semula syarikat Kweng Design Sdn.Bhd bagi membantu mengembangkan syarikat dalam meningkatkan produktiviti dan kemampuan daya saing syarikat ke tahap yang lebih baik dengan mengambil kira aspek identiti syarikat sebagai langkah perubahan syarikat.

1.2 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah merupakan suatu langkah dalam menerapkan kepada masyarakat khususnya dalam bidang perniagaan berkenaan dengan kepentingan penjenamaan identiti korporat yang baik dan keberkesanannya dalam membantu perkembangan sesebuah syarikat. Hal ini kerana identiti korporat sesebuah syarikat mampu menyampaikan makna syarikat kepada pelanggan sekaligus membantu pelanggan mengingat produk dan perkhidmatannya. Pendedahan ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada pengusaha sesebuah syarikat mengenai apakah identiti korporat dan nilainya dalam meningkatkan populariti syarikat dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada syarikat Kweng Design dimana dalam kajian ini pengkaji akan menghasilkan satu rekaan identiti syarikat yang baharu yang lebih baik. Selain itu, secara tidak langsung kajian ini dapat menjadikan syarikat lebih dikenali umum selain dapat membantu syarikat untuk lebih mengenali kelemahan dan kekurangan dalam penjenamaan identiti korporat syarikat Kweng Design yang sedia ada. Malahan, pengusaha syarikat Kweng Design juga boleh mempertimbangkan rekaan identiti yang baharu untuk digunakan dalam syarikatnya.

Tambahan pula, kajian ini akan memberi kesedaran kepada pengusaha-pengusaha baharu dalam memperkenalkan jenama syarikat serta merancang perkembangan syarikat yang baik dimasa hadapan dengan mengetengahkan kepentingan penjenamaan identiti korporat.

1.3 Pernyataan Masalah

Hasil kajian Wahi Irwan Abd Kahar, Muhamad Qamar Rahman Md Isa (2017) dalam kajiannya berkenaan pemahaman dan keberkesanan strategi penjenamaan dalaman misi, visi dan nilai korporat UDA Holding Berhad mendapati hasil daripada 300 orang responden dapat dirumuskan bahawa staf di UDA Holding Berhad tidak memahami identiti korporat yang dipromosikan menerusi aktiviti penjenamaan dalaman. Ini menunjukkan pengusaha syarikat kurang menitikberatkan berkenaan dengan tahap keberkesanan penjenamaan identiti korporat mereka. Oleh itu, pengkaji memilih untuk menjalankan kajian berkenaan penjenamaan semula syarikat Kweng Design Sdn.Bhd kerana pengkaji mendapati syarikat yang dipilih ini tidak memiliki identiti korporat yang lengkap selain untuk menunjukkan kepada masyarakat khususnya terhadap pengusaha-pengusaha syarikat mengenai kepentingan penjenamaan identiti korporat dalam menarik minat dan kesetiaan pelanggan.

Selain itu, tahap daya saing serta keupayaan syarikat dapat dipertingkatkan melalui penjenamaan identiti korporat yang mantap. Menurut Duanne E.Knapp (1976) *The Brand Mindset*. United State of Amerika: Quebecor, menyatakan jenama merupakan satu idea yang berkesan dalam perniagaan sesebuah syarikat. Jenama juga dianggap sebagai satu gambaran, emosi yang rasional dan gambaran kepada sesebuah budaya yang berkait dengan syarikat dan produk mereka.

1.4 Objektif Kajian

Sebagai panduan penyelidikan dan untuk memastikan kajian berjalan dengan lancar serta tidak tersasar daripada matlamat penyelidikan. Terdapat tiga objektif yang diperolehi oleh pengkaji iaitu:

- i. Untuk mencadangkan logo baharu syarikat bagi meningkatkan daya saing serta keupayaan syarikat Kweng Design.
- ii. Untuk menghasilkan item-item korporat identiti bagi syarikat Kweng Design Sdn.Bhd.
- iii. Untuk mengenalpasti kempen promosi yang sesuai bagi mempromosi syarikat Kweng Design Sdn.Bhd.

1.5 Soalan Kajian

Bagi mendapatkan dapatan kajian yang kuat terdapat beberapa persoalan yang diutarakan dalam penyelidikan ini. Antaranya ialah:

- i. Apakah logo yang sesuai untuk syarikat Kweng Design Sdn.Bhd?
- ii. Apakah elemen-elemen yang perlu ada dalam penjenamaan semula syarikat Kweng Design Sdn.Bhd?
- iii. Bagaimanakah kempen promosi yang dapat menarik minat pelanggan terhadap syarikat Kweng Design Sdn.Bhd?

1.6 Skop Kajian

Kajian melibatkan fokus utama iaitu mengenai penjenamaan semula identiti korporat syarikat Kweng Design Sdn.Bhd yang terletak di daerah Machang, Kelantan. Pengkaji juga menumpukan kajian terhadap identiti syarikat yang sedia ada, dimana pengkaji telah meneliti dan mengkaji kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam identiti syarikat Kweng Design dan menghasilkan rekabentuk penjenamaan identiti korporat syarikat yang lebih baik. Yang mampu menarik minat pelanggan terhadap syarikat sekaligus meningkatkan daya saing syarikat.

Selain itu, kajian ini juga melibatkan 88 orang responden. Pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik untuk mengetahui pemahaman masyarakat berkenaan dengan kepentingan penjenamaan identiti korporat dalam meningkatkan daya saing serta keupayaan syarikat. Soalan kajian juga melibatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap kewujudan syarikat Kweng Design untuk mengetahui tahap keberkesanan identiti korporat syarikat Kweng Design yang sedia ada.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.7 Batasan Kajian

Antara batasan dalam kajian ini adalah:

- i. Kesukaran mendapatkan pengangkutan ke tempat kajian kerana pengkaji tidak mempunyai lesen memandu untuk memandu kenderaan sendiri.
- ii. Sukar mendapat waktu yang sesuai, pengkaji perlu mematuhi perintah kawalan pergerakan dan tidak dibenarkan merentas sempadan daerah yang mengambil masa 2jam untuk pengkaji sampai di tempat kajian.
- iii. Kengkangan rangkaian internet yang tidak stabil mengakibatkan pengkaji sukar untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan.

1.8 Definisi Terma

Penjenamaan semula merupakan satu proses reka semula jenama yang terdiri daripada perkara asas dalam identiti korporat seperti logo syarikat, pembungkusan produk, item-item korporat dan lain-lain, daripada imej yang lama kepada imej syarikat yang baru yang lebih segar dan sesuai mengikut peredaran citarasa pengguna. Menurut Aaker (2016), penjenamaan boleh memberi kesan terhadap persepsi pengguna, mencipta gaya pemikiran serta pandangan mereka terhadap sesuatu produk. Hal ini jelas menunjukkan penjenamaan dapat memberi kesan emosi terhadap pengguna yang akan mengikat kesetiaan mereka terhadap sesebuah jenama.

Selain itu, identiti korporat berperanan penting bagi menjelaskan imej syarikat dan memudahkan pengguna mengingat sekaligus dapat membezakan antara jenama syarikat dengan syarikat yang lain. Hal ini, menurut Mao (2010) imej syarikat berperanan penting dalam membina sesebuah jenama. Malahan, jenama juga digunakan dalam pengiklanan dan pemasaran sesuatu produk. Oleh itu, penjenamaan yang mantap adalah penting dalam memastikan kejayaan sesebuah syarikat perniagaan.

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah menerangkan dan memperincikan berkenaan dengan kepentingan kajian, pernyataan masalah, objektif serta persoalan kajian dalam menjayakan kajian kes berkenaan dengan penjenamaan semula syarikat kweng Design Sdn.Bhd. Diharapkan masyarakat khususnya pengusaha-pengusaha syarikat perniagaan dapat menyedari akan kepentingan penjenamaan identiti korporat terhadap kelangsungan perniagaan mereka. Seterusnya, contoh-contoh kajian kes bagi penjenamaan semula syarikat Kweng Design Sdn.Bhd akan dinyatakan di dalam bab 2.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab ini telah menerangkan berkenaan dengan kajian-kajian terdahulu mengenai penjenamaan semula identiti korporat, logo, serta promosi syarikat. Dengan adanya kajian yang dijalankan secara terperinci daripada pengkaji terdahulu akan dijadikan bukti serta rujukan kepada pengkaji yang akan datang. Analisa yang dilakukan terhadap kajian terdahulu membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang tepat bagi menyiapkan penyelidikan yang dijalankan ini.

2.1 Identiti Korporat

Pada tahun 1970-an identiti korporat muncul sebagai konsep rekabentuk dan mula menarik minat pengurusan dan ini menyebabkan identiti korporat dianggap sebagai alat yang strategik dan juga meningkatkan daya saing (Downey, 1987; Bickerton, 1999). Hal ini jelas menunjukkan penggunaan rekabentuk identiti korporat yang membolehkan masyarakat mengingat serta menggambarkan syarikat adalah penting bagi sesebuah syarikat dalam memperkenalkan diri kepada masyarakat untuk membina kekuatan serta kredibiliti syarikat. Malahan, organisasi perlu mempunyai jenama atau identiti yang kuat untuk mengekalkan kedudukan syarikat (Dibb dan Simoes 2001).

Seterusnya, menurut kamus *Collins English* (2002) identiti ditakrifkan sebagai ciri-ciri karakter seseorang atau benda untuk dikenali dimana ianya dapat membezakan seseorang dengan orang lain. Hal ini kerana identiti korporat juga mencerminkan imej yang hendak disampaikan syarikat terhadap pelanggan. Selain itu, identiti korporat membolehkan pembentukan jenama korporat yang kuat yang mewujudkan kesetiaan pihak berkepentingan (Balmer, 1995; Marwick dan Fill, 1997). Seterusnya, dapat meningkatkan keupayaan daya saing syarikat.

Selain itu, ini juga menunjukkan bahawa identiti korporat juga merupakan salah satu alat promosi syarikat yang sangat efektif. Hal ini kerana item-item identiti korporat yang dihasilkan contohnya pada kenderaan syarikat secara tidak langsung boleh berfungsi sebagai papan iklan bergerak setiap kali kenderaan syarikat digunakan.

Seterusnya, merujuk kepada jurnal T.C.Melewar (2003) *Determinants of the corporate identity construct: a review of the literature* yang mana telah

menjelaskan berkenaan dengan kesemua elemen-elemen penting dalam penghasilan identiti korporat. Antara simpulan yang dapat dibuat ialah personaliti syarikat adalah sebagai asas identiti korporat yang didorong oleh budaya, nilai dan prinsip organisasi. Selain itu, identiti korporat juga boleh memberi kekuatan motivasi kepada pekerja, dimana kakitangan pekerja dapat memahami dan jelas dengan tujuan, arah dan keistimewaan organisasi (Downey,1987).

Menurut T.C.Melewar (2003) juga menyatakan identiti korporat disepakati sebagai konsep multi dimensi yang merangkumi aspek perniagaan seperti budaya korporat, strategi perniagaan, falsafah eksekutif utama, tingkah laku dan rekabentuk korporat yang saling berhubung dan menghasilkan perbezaan antara satu syarikat dengan syarikat yang lain.

2.2 Penjenamaan Semula

Penjenamaan semula korporat merupakan satu proses yang kompleks, yang boleh terdiri daripada perubahan yang kecil pada logo jenama sehingga kepada perubahan yang besar yang melibatkan penyusunan semula keseluruhan syarikat. (Muzellec dan Lambkin, 2006). Merujuk kepada kajian Verionika Ternovskaya dan Galina Biedenbanh (2018) penentuan kepada kejayaan penjenamaan semula boleh ditentukan dalam pencapaian jualan syarikat dan peningkatan prestasi syarikat. Menurut kajian beliau juga, penjenamaan semula juga berisiko untuk mendapat kegagalan. Oleh yang demikian, sikap yang terbuka dalam menerima kritikan serta rekabentuk penjenamaan yang kaya dan penuh emosi penting untuk menjayakan penjenamaan semula syarikat.

Menurut kajian Katarzyna Wrona (2015) penjenamaan semula dapat menjelaskan kepada pelanggan tentang perubahan dalam organisasi dari segi kualiti dan peningkatan taraf perkhidmatan. Penting bagi syarikat merancang dengan sistematik dalam melakukan penjenamaan semula supaya pelanggan yang sedia ada tidak menjauh sekaligus dapat menarik minat pelanggan yang baru. Penjenamaan penting bagi membezakan satu jenama dengan pelbagai jenama yang lain. Hal ini kerana terdapat pengguna setia daripada sesebuah jenama yang menggunakan jenama tersebut hanya semata-mata kerana nama yang ada pada jenama tersebut dan bukan kerana kualiti produk keluaran mereka.

Penjenamaan berkembang dari masa ke masa dan syarikat mula menyedari ianya lebih dari sekadar nama. Selain itu, elemen-elemen jenama terdiri daripada warna, rekabentuk dan logo (Airey 2019). Jenama yang kuat dapat membina pengiktirafan serta kesetiaan pelanggan dan membantu membezakan

diri dan pesaing (Wheeler 2017). Hal ini dapat dilihat pada jenama-jenama terkemuka seperti Iphone, Nike, Adidas dan sebagainya. Jenama ini mempunyai nilai, kualiti dan peminat yang tersendiri walaupun syarikat meletakkan harga yang tinggi pada produk yang dikeluarkan. Selain itu, jumlah peminat jenama-jenama terkemuka tersebut yang tinggi tidak hanya tertumpu dalam negara malah turut meliputi negara lain dan boleh mengatasi produk negara mereka sendiri. Malahan kekuatan yang ada pada penjenamaan ini menjadikan banyak pesaing-pesaing yang cuba untuk meniru jenama-jenama berkenaan bagi mendapatkan manfaat daripada jenama tersebut.

2.3 Logo

Rekabentuk logo syarikat dan warna merupakan bahagian yang paling penting dalam penjenamaan sesebuah syarikat yang mana rekabentuk logo bukanlah sekadar rekaan tanpa tujuan tetapi mestilah mempunyai makna dan mampu menyampaikan imej syarikat kepada masyarakat. Menurut Niki Hynes (2008) terdapat pelbagai elemen dalam penghasilan logo korporat antaranya termasuk gambar, saiz, bentuk, gaya dan warna.

Selain itu, untuk memudahkan pihak berkempeningian mengingati sesebuah syarikat, rekabentuk logo syarikat mestilah menjelaskan ciri-ciri syarikat serta unik. Menggabungkan bentuk rekaan dan warna yang sesuai dengan syarikat atau jenis perniagaan. Hal ini kerana warna juga mempunyai nilai emosinya yang tersendiri. Oleh hal yang demikian warna yang digunakan dalam rekabentuk logo mestilah mempunyai nilai emosi atau psikologi yang sesuai dengan jenis perniagaan atau organisasi. Hal ini sebagaimana yang disebut dalam kajian Niki Hynes (2008) bahawa warna mempunyai kesan langsung fisiologi sebagai contoh warna merah dapat meningkatkan tekanan darah dan selera makan.

Rekabentuk logo terdiri daripada beberapa jenis iaitu logo simbol, logo tipografi dan logo gabungan simbol dan tipografi. Seterusnya, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) menjelaskan logo membawa maksud satu lambang khas sesuatu pertubuhan organisasi ataupun syarikat. Ini jelas menunjukkan kepentingan logo dalam perniagaan bagi membezakan sesebuah jenama syarikat dengan jenama syarikat yang lain.

Selain itu, penggunaan slogan-slogan tertentu pada rekabentuk logo menjadikan logo kelihatan lebih menarik dan mudah diingati. Hal ini kerana slogan berkesan sebagai strategi pengiklanan kepada syarikat.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

2.5 Promosi

Bagi membina hubungan antara pelanggan dan organisasi, komunikasi melalui promosi yang berkesan juga penting untuk pemasaran sesuatu produk. Menurut Chaharsoughi dan Yasory (2012), kunci kepada pasaran yang berjaya dan kejayaan campuran pemasaran ialah dengan promosi. Hal ini kerana keperluan promosi adalah untuk menyedarkan atau untuk memaklumkan tentang keberadaan sesuatu produk dalam syarikat kepada pelanggan. Mahupun, untuk menyedarkan masyarakat tentang keberadaan sesuatu produk di pasaran. Selain itu, aspek promosi juga penting dalam mendapatkan kesetiaan pelanggan.

Seterusnya, ini menunjukkan antara faktor lain yang boleh mengikat kesetiaan pelanggan terhadap sesebuah organisasi ataupun syarikat ialah dengan promosi yang baik dan berkesan. Menurut Adesoga (2015), promosi merupakan salah satu daripada alat yang penting dalam menarik minat pelanggan. Hal ini kerana selain daripada identiti korporat yang baik dan berkesan promosi juga merupakan antara alat untuk hubungan komunikasi yang terjadi antara pelanggan dan syarikat.

Selain itu, promosi terdiri daripada promosi harga dan promosi iklan (*advertising*). Sebagai contoh promosi harga adalah dengan membuat potongan harga pada masa-masa atau hari-hari tertentu. Seterusnya bagi promosi iklan (*advertising*) pula selain daripada iklan yang terdapat di kaca televisyen (TV) *advertising* juga boleh terdiri daripada rekabentuk produk serta pembungusan produk, item-item korporat seperti papan iklan, kenderaan syarikat, laman web, media sosial dan lain-lain.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Bab ini telah menerangkan berkenaan dengan metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Metodologi merupakan kaedah atau proses untuk mendapatkan maklumat dan data kajian yang tepat melalui sumber yang sahih. Metodologi kajian juga membolehkan pengkaji membuat kajian dengan lebih sistematik dan tersusun bagi mencapai objektif serta matlamat kajian.


3.1 Kaedah Penyelidikan

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif (*mixed methods*). Menurut Shema dan Woodman (2013) persoalan yang dilontarkan dari kaedah campuran lebih cenderung berbentuk terbuka serta kompleks dan setiap persoalan dapat dikaji dengan lebih baik dengan menggunakan kaedah kualitatif atau kuantitatif. Hal ini jelas menunjukkan hasil dapatan yang diperoleh daripada dua kaedah kualitatif dan kuantitatif ini dapat menyokong antara satu sama lain dan membolehkan ia saling melengkapi. Antara kelebihan lain menggunakan kaedah campuran dalam kajian ialah data yang diperoleh daripada kaedah kualitatif dan kuantitatif dapat dibandingkan bagi mendapatkan maklumat dan data yang lebih tepat serta pelbagai.

Selain itu juga, kaedah campuran merupakan satu kajian yang bersistematik dan data yang diperoleh adalah lebih lengkap berbanding kajian yang dibuat menggunakan satu kaedah sahaja sama ada kaedah kualitatif atau kuantitatif. Malahan, menurut Creswell dan Plano Clark (2007) kaedah campuran boleh menjadikan kajian yang dilakukan lebih komprehensif berbanding dengan hanya menggunakan satu kaedah kajian.

Dimana kaedah kualitatif yang digunakan adalah pemerhatian di syarikat Kweng Design Sdn.Bhd serta rujukan internet. Manakala, bagi kaedah kuantitatif pengkaji menggunakan kaedah soal selidik menggunakan *Google Form* bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menjayakan kajian ini daripada responden. Bagi memudahkan kajian, pengkaji menyediakan carta aliran metodologi kajian seperti di rajah 1.

3.1.1 Carta Aliran Metodologi Kajian



Rajah 1: Carta Aliran

3.2 Data Primer

Data primer merupakan hasil data yang dikumpul oleh pengkaji melalui pemerhatian dan mendapat maklumat secara langsung dari sumber kajian. Pengkaji membuat kajian secara langsung melalui pemerhatian terhadap logo serta penjenamaan identiti korporat yang terdapat di Syarikat Kweng Design Sdn.Bhd. Selain itu, pengkaji juga mendapat maklumat data kajian dengan melakukan kaedah soal selidik terhadap responden.

3.2.1 Kaedah Soal Selidik

Bagi mendapatkan maklumbalas yang tepat. Borang soal selidik akan diedarkan kepada 88 responden yang terdiri daripada lelaki dan wanita dari pelbagai peringkat umur. Responden juga terdiri daripada mereka yang tinggal di negeri Kelantan serta di negeri-negeri berhampiran supaya data yang diperoleh menepati objektif dan matlamat kajian. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik yang dibuat melalui *Google Forms* dan disebarikan melalui aplikasi *Whatsapp*. Hal ini bagi memudahkan sampel responden untuk mengisi borang soal selidik.

3.3 Data Sekunder

Data sekunder merupakan data yang diambil daripada kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh individu lain. Data-data, catatan dan laporan yang diambil adalah saling berkait dengan kajian yang dilakukan supaya hasil kajian yang diperolehi adalah tepat dan sahih. Rujukan internet merupakan antara platform yang boleh digunakan dimana terdapat pelbagai rujukan serta kajian sahih daripada sumber yang berbeza yang boleh dijadikan bahan rujukan. Antara laman sesawang yang digunakan oleh pengkaji ialah *google scholar*, *researchgate* dan *academia* yang mana dikenalpasti menjadi tempat rujukan yang dipercayai dan digunakan secara meluas oleh pengkaji-pengkaji yang lain. Selain itu, antara platform lain yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan ialah journal, buku, majalah dan akhbar.

3.4 Rekabentuk Pembangunan Produk

Penghasilan rekabentuk identiti syarikat Kweng Design Sdn.Bhd yang baharu yang meliputi bahagian yang asas dalam penghasilan identiti korporat seperti logo, elemen komunikasi korporat darisegi aspek promosi seperti item cenderahati . Serta turut meliputi elemen-elemen identiti komunikasi seperti *business card* dan *business letter* dan sebagainya. Rekabentuk pembangunan produk menjadi panduan untuk mencapai objektif kajian dengan berkesan. Rekaan produk ini dihasilkan menggunakan perisian *adobe illustrator* serta perisian lain yang dirasakan sesuai untuk digunakan.

3.5 Kesimpulan

Data primer dan data sekunder yang dikumpulkan secara telus dan teliti menghasilkan dapatan kajian yang tepat dan sahih. Seterusnya, hasil dapatan kajian daripada soal selidik yang telah dilakukan akan menjelaskan kajian yang dilaksanakan ini adalah bertepatan atau tidak dengan objektif kajian yang telah ditetapkan. Disini jelas menunjukkan pentingnya susunan aliran kajian yang sistematik dalam mendapatkan hasil kajian yang tepat serta produk kajian yang berkesan. Seterusnya, diharapkan dapat memberikan manfaat kepada syarikat Kweng Design, individu tertentu dan masyarakat.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN DAN PEMBANGUNAN PRODUK

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan berkenaan dengan dapatan kajian dan hasil analisis yang diperolehi daripada analisis borang soal selidik dan kajian perpustakaan yang dijalankan oleh pengkaji. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjenamaan identiti korporat terhadap perkembangan serta keupayaannya dalam meningkatkan daya saing syarikat. Borang soal selidik telah dibuat melalui *Google Form* dan diedarkan kepada seramai 70 orang responden. Hasil daripada maklumbalas responden diambil untuk proses analisis data bagi menyokong kajian yang telah dibuat oleh pengkaji. Selain itu, bab ini juga akan membincangkan berkenaan dengan pembangunan produk dan akan dinyatakan secara terperinci berkenaan proses-proses penghasilan rekabentuk penjenamaan semula identiti korporat syarikat Kweng Design Sdn.Bhd daripada proses analisis data sehingga terhasilnya rekabentuk identiti korporat yang baharu.

MALAYSIA

KELANTAN

4.1 Analisis Data

Melalui proses pengumpulan data dan maklumat dari borang soal selidik yang diedarkan oleh pengkaji, seramai 70 orang responden telahpun menjawab borang borang soal selidik tersebut yang mana terdiri daripada empat bahagian soalan iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Bahagian A terdiri daripada soalan demografi responden. Bahagian B melibatkan soalan berkaitan pemahaman masyarakat umum berkenaan dengan penjenamaan identiti korporat, analisis daripada soalan bahagian ini juga membantu pengkaji memahami tahap kesedaran masyarakat umum berkenaan dengan kepentingan penjenamaan identiti korporat sesebuah syarikat.

Selain itu, soalan pada bahagian C pula melibatkan soalan berkaitan dengan syarikat Kweng Design Sdn.Bhd. Dimana bahagian ini membantu pengkaji untuk memahami tahap keberkesanan identiti korporat syarikat Kweng Design yang sedia ada. Sementara itu, soalan pada bahagian D pula melibatkan soalan berkaitan pandangan masyarakat umum terhadap perbandingan diantara logo lama syarikat Kweng Design dengan rekabentuk logo baharu yang telah dihasilkan oleh pengkaji. Pada bahagian ini juga, pengkaji turut mendapatkan pandangan masyarakat umum berkenaan dengan tahap ketertarikan mereka terhadap rekabentuk cadangan identiti korporat seta cadangan kempen promosi syarikat Kweng Design yang dihasilkan oleh pengkaji.


4.1.1 Analisis Dapatan Kajian.

Bahagian A : Data Demografi Responden

Data demografi responden yang diambil adalah terdiri daripada jantina, peringkat umur, bangsa, status pekerjaan, negeri tempat asal, dan negeri tempat menetap sekarang. Analisis kekerapan dan peratusan responden dinyatakan pada rajah seperti berikut.

4.1.1.1 Jantina

Carta pai dan jadual 4.1 menunjukkan jumlah peratusan dan taburan kekerapan responden mengikut jantina.



Carta pai 4.1 Peratus mengikut jantina


Jantina	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratusan (%)
Lelaki	35	39.8
Perempuan	53	60.2
Jumlah	88	100

Jadual 4.1 Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut jantina

Daripada carta pai dan jadual di halaman sebelum, menunjukkan bilangan responden perempuan lebih ramai iaitu seramai 53 orang (60.2%) manakala bilangan responden lelaki ialah seramai 35 orang (39.8%).

4.1.1.2 Umur

Carta pai dan jadual 4.2 menunjukkan jumlah peratusan dan taburan kekerapan responden mengikut peringkat umur.



Carta pai 4.2 Peratus mengikut peringkat umur


Umur	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
15 tahun ke bawah	1	1.1
16-22 tahun	10	11.4
23-29 tahun	44	50
30-39 tahun	19	21.6
40-49 tahun	11	12.5
50-59 tahun	3	3.4
60 tahun ke atas	0	0
Jumlah	88	100

Jadual 4.2 Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut peringkat umur

Daripada carta pai dan jadual di halaman sebelum, bilangan responden yang paling tinggi mengikut peringkat umur ialah berumur 23 hingga 29 tahun iaitu seramai 44 orang (50%), diikuti oleh bilangan responden yang di peringkat umur 30 hingga 39 tahun seramai 19 orang (21.6%), bilangan responden yang di peringkat umur 40 hingga 49 tahun seramai 11 orang (12.5%), seterusnya bilangan responden yang di peringkat umur 16 hingga 22 tahun seramai 10 orang (11.4%) dan bilangan responden di peringkat umur 50 hingga 59 tahun seramai 3 orang (3.4%). Manakala, tiada responden di peringkat umur 15 tahun ke bawah dan peringkat umur 60 tahun ke atas.

4.1.1.3 Bangsa

Carta pai dan jadual 4.3 menunjukkan jumlah peratusan dan taburan kekerapan responden mengikut bangsa.



Carta pai 4.3 Peratus mengikut bangsa

Bangsa	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratusan (%)
Melayu	87	98.9
Cina	1	1.1


India	0	0
Lain-lain	0	0
Jumlah	88	100

Jadual 4.3 Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut bangsa

Daripada carta pai dan jadual di atas, bilangan responden majoriti adalah daripada bangsa Melayu iaitu seramai 87 orang responden (98.9%), seterusnya responden daripada bangsa Cina seramai 1 orang (1.1%), bangsa India 0 (0%) dan lain-lain 0 (0%).

4.1.1.4 Status Pekerjaan

Carta pai dan jadual 4.4 menunjukkan jumlah peratusan dan taburan kekerapan mengikut status pekerjaan.



Carta pai 4.4 Peratus mengikut status pekerjaan

Status Pekerjaan	Kekerapan (<i>f</i>)	Peratusan (%)
Bekerja Sendiri	3	3.4
Sektor Kerajaan	21	23.9
Sektor Swasta	27	30.7


Tidak Bekerja	11	12.5
Pelajar	26	29.5
Jumlah	88	100

Jadual 4.4 Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut status pekerjaan

Daripada carta pai dan jadual di atas, bilangan responden yang paling tinggi mengikut status pekerjaan ialah daripada sektor swasta iaitu seramai 27 orang (30.7%), diikuti oleh bilangan responden daripada kalangan pelajar iaitu seramai 26 orang (29.5%). Seterusnya responden daripada pekerja sektor kerajaan seramai 21 orang (23.9%), bilangan responden yang tidak bekerja seramai 11 orang (12.5%) dan bilangan responden yang bekerja sendiri ialah seramai 3 orang (3.4%).

4.1.1.5 Negeri Kelahiran

Carta pai dan jadual 4.5 menunjukkan jumlah peratusan dan taburan kekerapan mengikut negeri kelahiran.




Carta pai 4.5 Peratus mengikut negeri kelahiran

Negeri Kelahiran	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Kelantan	76	86.36
Terengganu	2	2.27
Pahang	2	2.27
Lain-lain negeri	8	9.10
Jumlah	88	100

Jaduan 4.5 Taburan kekerapan dan peratus responden mengikut negeri kelahiran

